

**Pilih kerajaan bertanggungjawab
Utusan Online
29 Mac, 2013
Oleh MOHD. ZUHARMAN MOHAMMAD NOR**

KUALA KRAI 28 Mac - Rakyat negeri ini akan dapat menikmati pelbagai manfaat kemudahan dan pembangunan sekiranya mempunyai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap keperluan mereka.

Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Datuk Ramzi Ab. Rahman berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa prihatin terhadap seluruh rakyat negeri ini dalam semua sudut termasuk sosial dan ekonomi.

Namun, katanya, kerajaan BN tidak mampu melaksanakan sebahagian besar keperluan rakyat negeri ini berikutan terbatas dengan bidang kuasa kerajaan negeri terutama membabitkan soal pengambilan tanah kerana berada di bawah kuasa penuh kerajaan negeri diterajui Pas.

"Tiga tahun lalu, saya terpaksa memulangkan balik wang peruntukan sebanyak hampir RM1 juta untuk membina sebuah dewan sivik di Dabong dan dewan orang ramai di Kuala Gris kepada kementerian berkaitan.

"Ini kerana kita tidak dapat melaksanakan projek tersebut untuk kemudahan rakyat sebab tidak ada tanah dan tidak dapat kerjasama dari kerajaan Pas negeri dalam masalah ini (tanah)," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, rakyat negeri ini jauh ketinggalan dari pelbagai aspek kehidupan disebabkan iklim politik yang begitu menebal dalam kalangan rakyat kepada pemimpin kerajaan negeri.

Katanya, perkara itu juga menyebabkan banyak program atau rancangan pembangunan di negeri ini gagal dilaksanakan sejak lebih 20 tahun lalu.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat tampil melakukan perubahan dengan memberi mandat penuh kepada BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 bagi memastikan kestabilan dan kesejahteraan mereka termasuk generasi akan datang terus terjamin.

"Kerajaan mempunyai banyak agenda rakyat untuk dilaksanakan di negeri ini termasuk tujuh janji yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini.

"Perkara itu semua sudah semestinya akan dapat dilaksanakan dengan mudah dan tersusun jika rakyat memberi kerjasama penuh kepada BN," katanya.

Beliau berkata, kerajaan BN yang mempunyai pengalaman memerintah negara sejak lebih 50 tahun mampu memahami aspirasi rakyat secara menyeluruh.

"Walaupun kewibawaan kerajaan BN sering dinafikan dengan pelbagai tohmahan oleh pembangkang, tetapi pada masa sama kita mampu menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat melibatkan jumlah berbilion ringgit," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130329/px_15/Pilih-kerajaan-bertanggungjawab